

**PERSEPSI PELANCONG TERHADAP ASPEK KESELAMATAN  
(KAJIAN KES : DAERAH JOHOR BAHRU)**

**HANIRAH BT MOHAMAD NUR**

Laporan projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains  
(Perancangan Pelancongan)

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2007

***Untuk suami tercinta  
Anak-anak yang dikasihi Ezzaty & Ezzikri  
Keluarga tersayang***

***Arwah bonda & nenda....Al Fatimah..***

***Atas pengorbanan kalian semua...  
yang tiada batas sempadanya.....***

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan berkat dan ketekunan, akhirnya saya dapat menyiapkan tesis sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Perancangan Pelancongan). Jutaan terima kasih ditujukan khas buat Dr Hairul Nizam Bin Ismail, selaku penyelia yang banyak membantu dengan memberi bimbingan serta teguran yang membina. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Amran Hamzah, Prof. Madya Dr. Zainab binti Khalifah, Encik Tajuddin Hj Kechik dan Puan Azina binti Dahlan yang banyak memberikan ilmu sepanjang pengajian. Segala tunjuk ajar yang diberikan amatlah dihargai dan disanjung.

Istimewa penghargaan ini ditujukan buat keluarga tersayang yang sentiasa menjadi pendorong dalam meneruskan perjuangan ini. Teristimewa buat suami yang tercinta, anak-anak yang dikasihi, ayah dan keluarga yang tersayang, yang sentiasa berada di sisi di kala memerlukan. Pengorbanan, kesabaran, ketabahan dan sifat memahami yang ditunjukkan tidak terbalas. Terima kasih.

Buat rakan-rakan seperjuangan, pengalaman serta tunjuk ajar kalian menjadi hadiah yang tidak ternilai. Terima kasih di atas nilai persahabatan dan kemesraan yang dipamerkan. Kepada pihak-pihak yang banyak membantu dalam proses menghasilkan kajian penyelidikan ini, terima kasih yang tidak terhingga di atas bantuan dan kerjasama yang dihulurkan. Terima kasih kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak di dalam menghasilkan projek ini. Semoga jasa yang dicurahkan dapat membantu mereka yang sememangnya memerlukan dan terus berbakti untuk menabur khidmat yang tiada penghujungnya.

## **ABSTRAK**

Persepsi pelancong merupakan salah satu faktor utama di dalam pemilihan destinasi. Jaminan keselamatan di sesebuah destinasi pelancongan merupakan faktor penting dalam membuat keputusan untuk melancong. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan di sekitar bandaraya Johor Bahru. Penemuan kajian mendapati aspek keselamatan semakin menjadi pilihan utama kesemua responden apabila majoriti daripada mereka memilih lokasi yang selamat dalam percutian mereka. Insiden jenayah yang paling diberi perhatian adalah jenayah kecurian dan peras ugut selain kecurian kenderaan bermotor dan rompakan. Bagi lokasi yang dianggap paling tidak selamat, adalah Holiday Plaza dan Kompleks Sentosa. Dari segi hotel pula para pelancong menyatakan agak selamat. Sebahagian responden merasakan tidak selamat memasuki tandas awam pada lewat malam begitu juga untuk berjalan seorang diri pada lewat malam. Walaupun aktiviti membeli-belah adalah aktiviti utama namun mereka perlu juga ada perasaan bimbang dan perlu berhati-hati. Majoriti responden juga menyatakan tidak bersetuju bahawa polis pelancong sangat ramah dan sedia membantu.

## **ABSTRACT**

Tourist perception is one of the important factors in determining their tour destination. Safety and security in the tour destination has become their main concern in their list. Therefore, this research was conducted to study the tourist perception in term of security and safety at several tour destinations in Johor Bahru City. The result of this study shows that majorities of the tourist are very concern about the safety and security before selecting their tour destination. Incident of crimes such theft, extortion, theft of motor vehicle and robbery were highly considered by tourist. As to location, they were of the opinion that Holiday Plaza and Kompleks Sentosa are the most unsafe. Yet, majorities agreed that hotels in Johor Bahru are safe. However, this study revealed that safety in Johor Bahru town is not as it should be since some of the respondent feel that it is not safe to enter the private toilet provide by the local authorities and to walk alone after midnight. Majorities of the tourist agreed that they still have to be careful and aware during shopping though shopping is one of their tour agenda. Majorities of respondent were also of the opinion that the tourist police were not friendly and helpful.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>I</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Skop Kajian	6
	1.7 Rekabentuk Kajian	8
	1.8 Populasi	9
	1.9 Sampel	9
	1.10 Pengumpulan Data	9
	1.11 Instrumen Kajian	10
	1.12 Kaedah Analisis Dat	12
	1.13 Kajian Rintis (Pilot Test)	12
	1.14 Andaian Kajian	12
	1.15 Pendekatan Kajian	13
	1.16 Kepentingan Kajian	15
<b>II</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
	2.1 Pengenalan	17
	2.2 Definisi Pelancong & Melancong Secara Umum	17
	2.3 Definisi & Teori Keselamatan Dalam Pelancongan secara umum	18
	2.4 Persepsi Pelancong Terhadap Keselamatan	21
	2.5 Kepentingan Aspek Keselamatan Dalam Pelancongan	24
	2.6 Mengapa Pelancong Melawat Bandar	26
	2.7 Senario Pelancongan Di Bandaraya Johor Bahru	30
	2.7.1 Dasar pelancongan Negeri Johor	31
	2.7.2 Unjuran masa hadapan pelancong asing	31
	2.7.3 Tempat Lawatan Pelancong	33

2.8	Indeks Jenayah di bandaraya di Johor Bahru	35
2.9	Cara mengatasi masalah jenayah	36
2.10	Kesimpulannya	39
<b>III</b>	<b>ANALISIS</b>	
3.1	Pengenalan	40
3.2	Penemuan Kajian	42
3.3	Analisa profil responden	
3.3.1	Profil pelancong (Jantina)	42
3.3.2	Profil pelancong (Umur)	43
3.3.3	Profil pelancong ( Negara)	44
3.3.4	Profil pelancong ( Pekerjaan)	44
3.3.5	Profil pelancong (Mod Bercuti)	45
3.3.6	Profil pelancong (Tujuan Lawatan)	46
3.3.7	Profil pelancong (Kekerapan Datang)	47
3.3.8	Profil pelancong (Tempoh lawatan)	48
3.4	Analisis Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan Di Sekitar Bandaraya Johor Bahru	
3.4.1	Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Percutian Responden	49
3.4.2	Keperhatian Pelancong Terhadap Insiden Jenayah	50
3.4.3	Persepsi Pelancong Terhadap Lokasi Yang Di Anggap Paling Tidak Selamat Di Sekitar Bandaraya Johor Bahru (Destinasi)	52
3.4.4	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan Di Hotel (Penginapan)	53
3.4.5	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan Sewaktu Melakukan Aktiviti	54
3.4.6	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan Untuk Perkara Lain-lain	55
3.4.7	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan (Bagi yang memandu kenderaan)	56

3.5	Hubungan Profil Pelancong Dan Persepsi Terhadap Aspek Keselamatan	
3.5.1	Hubungan Tempoh Lawatan Dan Lokasi Yang Selamat	59
3.5.2	Hubungan Umur Dan Keperihatinan Insiden Pelancong Mangsa Jenayah (Kecurian)	60
3.5.3	Hubungan Mod Bercuti Dan Persepsi Sewaktu Membeli Belah Di Sekitar Bandaraya JB	61
3.5.4	Hubungan Tujuan Lawatan Dan Polis Pelancong	62
3.5.5	Hubungan Mod Bercuti Dan Destinasi paling tidak selamat (Holiday Plaza)	63
3.6	Analisis Pengalaman Pelancong Terhadap Insiden Jenayah Disekitar Bandaraya Johor Bahru	63
<b>IV</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	64
4.2	Perbincangan Dan Rumusan	65
4.2.1	Profil Responden	65
4.2.2	Perbincangan Dan Rumusan Persepsi Pelancong Terhadap Keselamatan Di Sekitar Bandaraya Johor Bahru.	66
4.2.2.1	Faktor Pemilihan Percutian	66
4.2.2.2	Kebimbangan Pelancong Terhadap Insiden Jenayah	67
4.2.2.3	Lokasi Yang Di Anggap Paling Tidak Selamat	69
4.2.2.4	Keselamatan Di hotel (Penginapan)	70
4.2.2.5	Sewaktu melakukan aktiviti dan lain-lain	70
4.2.3	Pengalaman Pelancong Terhadap Insiden Jenayah Disekitar Bandaraya Johor Bahru	71



4.3	Perbincangan Cadangan Untuk Meningkatkan Tahap Keselamatan	72
4.4	Rumusan	80
	<b>RUJUKAN</b>	81
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

<b>NO JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGENALAN</b>		
1.1	Statistik Indeks Jenayah Di Malaysia	3
1.2	Negara Pasaran Utama Pelancong Negeri Johor	4
1.3	Lokasi Kajian Lapangan	6
1.4	Rangka Kerja Pelaksanaan Kajian	13
2.1	Unjuran Ketibaan Pelancong Asing ke Negeri Johor 2000-2020	32
2.2	Kemasukan Pelancong Melalui Tambak Johor	32
2.3	Komponen Pelancongan di sekitar bandaraya Johor Bahru	34
2.4	Statistik Indeks Jenayah Di Johor Dari tahun 2000 hingga tahun 2005	35
3.1	Lokasi Kajian Lapangan	41
3.2	Profil pelancong (Jantina)	43
3.3	Profil pelancong (Umur)	43
3.4	Profil pelancong (Negara)	44
3.5	Profil pelancong (Pekerjaan)	45
3.6	Profil pelancong (Mod Bercuti)	45
3.7	Profil pelancong (Tujuan Lawatan)	46
3.8	Profil pelancong (Kekerapan Datang)	47
3.9	Profil pelancong (Tempoh lawatan)	48
3.10	Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Percutian Responden	49
3.11	Kebimbangan Pelancong Terhadap Insiden Jenayah	51
3.12	Persepsi Pelancong Terhadap Lokasi Yang Di Anggap Paling Tidak Selamat Di Sekitar Bandaraya Johor Bahru (Destinasi)	52
3.13	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan Di Hotel (Penginapan)	54
3.14	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan Sewaktu Melakukan Aktiviti	55

3.15	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan Untuk Perkara Lain-lain	56
3.16	Persepsi Pelancong Terhadap Aspek Keselamatan (Bagi yang memandu kenderaan)	57
3.17	Tempoh Lawatan*Lokasi yang selamat	59
3.18	Umur* Insiden Pelancong Mangsa Jenayah (Kecurian)	60
3.19	Mod Bercuti * Persepsi Sewaktu Membeli Belah Di Sekitar Bandaraya JB	61
3.20	Tujuan Lawatan * Persepsi Terhadap Polis Pelancong Sangat Ramah Dan Sedia Membantu	62
3.21	Kekerapan Datang* Destinasi Paling Tidak Selamat (Holiday Plaza)	63
4.1	Insiden Jenayah Yang Amat di Bimbangi Oleh Responden Mengikut Turutan	67
4.2	Statistik Kes Indeks Melibatkan Mangsa Warganegara Singapura	68
4.3	Lokasi Yang Di Anggap Paling Tidak Selamat Di Sekitar Bandaraya Johor Bahru (Destinasi) Mengikut Turutan	69
4.4	Taburan Perkhidmatan Polis Sedia Ada	73
4.5	Nisbah Balai Polis Dengan Penduduk Sedia Ada	73
4.6	Peranan Polis Pelancong	75
4.7	Langkah-Langkah Pencegahan Jenayah	76
4.8	Ringkasan Cadangan Untuk Meningkatkan Tahap Keselamatan	79

## SENARAI RAJAH

<b>NO JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Peta Negeri Johor dan Kawasan Kajian	7
1.2	Peta Bandaraya Johor dan Kawasan Kajian	7
1.3	Carta Alir Penyelidikan	16
2.1	Skop Kawalan dan keselamatan	19
2.2	Teori Maslow (1943)	21
2.3	Faktor Mengapa Pelancong Menjadi Sasaran Penjenayah	25
2.4	“Functional Areas In The Tourist City”	26
2.5	Faktor Yang Dipertimbangkan Dalam Menilai Pengalaman Pelancong Sewaktu Di Bandar	28
2.6	Aspek Keselamatan Yang Di Perlu Pentingkan Oleh Pelancong Sewaktu Melancong	29
4.1	Ringkasan Rumusan Persepsi Pelancong Singapura Terhadap Aspek Keselamatan di Bandaraya Johor Bahru	72

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	Tourist Arrivals To Malaysia From Selected Market January 2006	93
2	Statistik kemasukan Warga Asing ke negeri Johor 2006	95
3	Tourist Safety Tips Kwa Zulu Natal 2005	96

1

# PENGENALAN

---



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Jika di lihat di seluruh dunia, bidang pelancongan memang semakin berkembang pesat. Semua negara cuba mempromosikan produk pelancongan yang ada di dalam negara mereka. Justeru itu banyak skop dan aspek yang perlu diambil kira jika membincangkan mengenai pelancongan di serata dunia. Salah satu aspek penting dalam menjayakan industri pelancongan dunia adalah aspek kawalan dan keselamatan pelancong itu sendiri (*safety and security*). Semua orang pasti akan memikirkan keselamatan mereka tidak kira di mana pun mereka berada.

Industri pelancongan merupakan satu industri yang sensitif kepada keadaan seperti bencana alam, peperangan, wabak penyakit dan krisis ekonomi. Kawalan dan keselamatan dalam pelancongan amat di perlukan bagi memastikan ia dapat menjamin keselamatan pelancong ke suatu destinasi. Kesan yang paling di rasai sehingga hari ini adalah serangan 'berani mati' di New York dan Washington. Akibat kejadian ini telah menyebabkan penurunan kedatangan pelancong ke Amerika. Begitu juga dengan kes pengeboman di Pulau Bali dan Selatan Thailand apabila kejadian pengeboman dan pemberontakan telah mengakibatkan industri pelancongan merudum teruk di negara tersebut.

Di Malaysia, sektor pelancongan telah di beri perhatian serius oleh pihak kerajaan sejak pertengahan tahun 1980-an lagi. Ketibaan pelancong ke Malaysia dijangka meningkat pada kadar purata. Sehubungan ini, pendapatan pelancongan akan mengingkat pada kadar tahunan 13.9 peratus kepada RM59.4 billion pada tahun 2010 dan di jangka memberi sumbangan besar kepada jumlah pendapatan dalam akaun perkhidmatan imbalan bayaran. Oleh yang demikian aspek keselamatan memainkan peranan yang penting kerana boleh mempengaruhi gelagat pelancong itu ke sesuatu destinasi

## **1.2 Latarbelakang Masalah**

Kestabilan politik yang menjana pertumbuhan ekonomi serta meletakkan faktor keselamatan, menyebabkan Malaysia terus berada pada rangking utama pada kedudukan 10 teratas senarai negara yang dikategorikan sebagai selamat dilawati pelancong asing. (Berita Harian 2005). Malaysia terus menjadi pilihan warga asing sama ada untuk melancong atau melabur dalam pelbagai industri yang berdaya maju. (Duta Bosnia-Herzegovina, Mustafa Mujezinovic).

Sehingga tahun 2005 jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia adalah seramai 16.43 juta orang dengan memberikan pendapatan negara sebanyak RM31,954.10 juta . Dari 16.43 juta orang jumlah pelancong yang datang ke Malaysia itu, pelancong Singapura adalah merupakan pelancong yang paling ramai datang ke Malaysia terutama ke Johor Bahru. Rujuk lampiran 1 (Tourism Malaysia 2006)

Rakyat Malaysia pula diberitahu bahawa pada tahun lepas (Rujuk Jadual 1.1) , 157,459 kes telah dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia yang berjaya menyelesaikan 48.45 % daripada kes-kes berkenaan, suatu pencapaian yang amat tinggi berbanding dengan sasaran 20% yang ditetapkan oleh Interpol.



**Jadual 1.1: Statistik Indek Jenayah Di Malaysia**

TAHUN	2000	2001	2002	2003	2004	2005
<b>JENAYAH KEKERASAN</b>						
Bunuh	551	608	516	565	565	497
Cuba Bunuh	43	68	64	77	92	94
Samun Berkawan Bersenjatapi	89	65	73	45	44	40
Samun Berkawan Tanpa Senjatapi	1,681	1,697	1,704	1,920	1,689	1,842
Samun Bersenjatapi	722	566	425	381	334	317
Samun Tanpa Senjatapi	12,204	11,333	12,203	13,963	13,221	13,210
Rogol	1,210	1,354	1,418	1,471	1,718	1,887
Mencederakan Manusia	5,104	4,699	4,440	4,368	4,196	4,246
<b>JUMLAH</b>	<b>21,604</b>	<b>20,390</b>	<b>20,843</b>	<b>22,790</b>	<b>21,859</b>	<b>4,246</b>
<b>JENAYAH HARTA BENDA</b>						
Pecah Rumah & Curi (Siang)	8,675	7,449	6,821	6,928	6,550	6,923
Pecah Rumah & Curi (Malam)	24,238	21,003	18,444	18,861	18,354	17,542
Curi Motor Lori/Van	3,698	4,306	4,570	5,551	4,892	5,507
Curi Motokar	7,278	8,520	8,544	8,537	8,624	9,711
Curi Motosikal	45,903	47,223	47,137	50,212	51,560	51,709
*Curi Ragut	15,082	14,368	14,640	15,798	11,536	9,617
Lain-Lain Curi	54,881	33,210	28,043	27,638	33,080	34,317
<b>JUMLAH</b>	<b>145,569</b>	<b>136,079</b>	<b>128,199</b>	<b>133,525</b>	<b>134,596</b>	<b>135,326</b>
<b>JUMLAH JENAYAH INDEKS</b>	<b>167,173</b>	<b>156,469</b>	<b>149,042</b>	<b>156,315</b>	<b>156,455</b>	<b>157,459</b>
<b>KES SELESAI</b>						
TAHUN	2000	2001	2002	2003	2004	2005
<b>JENAYAH KEKERASAN</b>						
Bunuh	300	358	333	347	383	328
Cuba Bunuh	30	55	50	61	61	75
Samun Berkawan Bersenjatapi	15	10	14	5	8	7
Samun Berkawan Tanpa Senjatapi	494	465	598	775	595	774
Samun Bersenjatapi	150	113	144	69	125	59
Samun Tanpa Senjatapi	3,988	3,650	4,584	6,445	5,602	6,474
Rogol	1,113	1,219	1,304	1,309	1,593	1,769
Mencederakan Manusia	4,237	3,831	3,663	3,613	3,425	3,546
<b>JUMLAH</b>	<b>10,327</b>	<b>9,701</b>	<b>10,690</b>	<b>12,624</b>	<b>11,792</b>	<b>13,032</b>
<b>JENAYAH HARTA BENDA</b>						
Pecah Rumah & Curi (Siang)	2,102	1,935	1,932	2,265	2,204	2,653
Pecah Rumah & Curi (Malam)	5,408	6,181	6,251	6,266	6,224	7,001
Curi Motor Lori/Van	624	944	1,292	1,565	1,697	1,667
Curi Motokar	1,673	2,119	3,569	4,277	4,217	4,532
Curi Motosikal	12,240	18,679	21,567	22,994	22,792	22,448
Curi Ragut	166	7,142	7,886	8,859	6,197	5,325
Lain-Lain Curi	21,762	14,728	13,353	14,090	17,571	19,629
<b>JUMLAH</b>	<b>43,975</b>	<b>51,728</b>	<b>55,850</b>	<b>60,316</b>	<b>60,902</b>	<b>63,252</b>
<b>JUMLAH KES SELESAI</b>	<b>54,302</b>	<b>61,429</b>	<b>66,540</b>	<b>72,940</b>	<b>72,694</b>	<b>76,284</b>
<i>Peratus Selesai</i>	<i>32.48</i>	<i>39.26</i>	<i>44.65</i>	<i>48.94</i>	<i>46.46</i>	<i>48.45</i>

(Sumber: Polis Di Raja Malaysia 2006)

Seperti yang telah kita ketahui bahawa negeri Johor merupakan salah satu daripada pintu masuk utama pelancong ke Malaysia dan mempunyai kedudukan yang berhampiran dengan Singapura. Oleh itu ciri kedatangan pelancong agak unik berbanding dengan negeri lain kerana mempunyai pintu masuk dari arah selatan (Rujuk Jadual 1.2):

**Jadual 1.2: Negara Pasaran Utama Pelancong Negeri Johor**

Negara Asal	1999		2000		2001		2002	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Singapura	13416	94.1	13900	93.7	14351	93.8	15655	94.0
Indonesia	294	2.1	338	2.3	353	2.3	371	2.2
Jepun	222	1.6	237	1.6	238	1.6	249	1.5
China	241	1.7	252	1.7	255	1.7	261	1.6
Thailand	25	0.2	25	0.2	25	0.2	27	0.2
United-Kingdom	2	0.2	24	0.2	24	0.2	25	0.2
Australia	18	0.1	22	0.2	23	0.2	23	0.2
Hong Kong	14	0.1	22	0.1	22	0.1	25	0.2
Taiwan	9	0.1	8	0.1	7	0.1	12	0.1
Brunei	3	0.0	3	0.0	3	0.0	2	0.1
<b>Jumlah</b>	<b>14263</b>	<b>100</b>	<b>14831</b>	<b>100</b>	<b>15201</b>	<b>100</b>	<b>16650</b>	<b>100</b>

*Sumber: Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor, 2002*

Berdasarkan jadual 1.2, jelas menunjukkan bahawa pelancong dari negara jiran iaitu Singapura merupakan negara pasaran utama pelancongan bagi negeri Johor, iaitu sebanyak 94% dari jumlah pelancong yang datang.

Namun baru-baru ini pula kita dikejutkan dengan kenyataan bekas Perdana Menteri Singapura En Lee Kuan Yew yang menyatakan bahawa Johor Bahru tidak selamat untuk dilawati kerana menurutnya banyak kes kehilangan kereta yang melibatkan warga tersebut. Ini di ikuti pula dengan peranan dua akhbar Singapura, The Sunday Times dan The New Paper, terbitan Singapore Press Holdings (SPH) pada 07 April, 2006, yang menokok tambah pula cerita mengenai kes kecurian kereta yang berdaftar di Singapura.

Isu ini sebenarnya telah di tangkis oleh Parameswaran Pesuruhjaya Tinggi Malaysia 2006, yang menyatakan sebenarnya jumlah kes kecurian kenderaan di Johor amat kecil iaitu 1,381 pada 2004 dan daripada jumlah ini, hanya 33 kereta atau 2.39 peratus membabitkan kenderaan yang didaftar di Singapura manakala pada 2005, hanya 52 atau 3.7 peratus daripada 1,394 kereta yang dicuri berdaftar di republik itu. Bagi tempoh dua bulan pertama tahun lalu, hanya tiga daripada 264 kereta yang dicuri berdaftar di Singapura.

Lanjutan daripada perkara tersebut pengkaji ingin mengkaji bagaimana persepsi pelancong bukan saja dari negara jiran kita Singapura tetapi menyeluruh kepada semua pelancong yang ke bandaraya Johor Bahru berdasarkan pembolehubah:

- Faktor yang mempengaruhi pemilihan percutian pelancong kesesuai destinasi
- Insiden jenayah yang ditakuti oleh pelancong
- Lokasi yang dianggap paling tidak selamat oleh pelancong
- Persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan di hotel (penginapan)
- Persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan semasa melakukan aktiviti
- Persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan (bagi yang memandu kenderaan)

### **1.3 Penyataan Masalah**

Penyataan masalah di dalam penyelidikan ini ialah persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan di sekitar bandaraya Johor Bahru

### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Apakah faktor yang mempengaruhi pemilihan percutian pelancong kesesuai destinasi?
2. Apakah insiden jenayah yang ditakuti oleh pelancong?
3. Lokasi yang dianggapkah dianggap paling tidak selamat oleh pelancong?
4. Sejauhmanakah persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan di hotel (penginapan)?
5. Sejauhmanakah persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan semasa melakukan aktiviti?
6. Sejauhmanakah persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan (bagi yang memandu kenderaan)?

### 1.5 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pemilihan percutian pelancong kesesuai destinasi
2. Mengenalpasti insiden jenayah yang ditakuti oleh pelancong
3. Mengenalpasti lokasi yang dianggap paling tidak selamat oleh pelancong
4. Mengenalpasti persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan di hotel (penginapan)
5. Mengenalpasti persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan semasa melakukan aktiviti
6. Mengenalpasti persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan (bagi yang memandu kenderaan)

### 1.6 Skop Kajian

Kawasan kajian adalah di dalam daerah Johor Bahru dengan penumpuan terhadap beberapa destinasi yang menarik di sekitar bandaraya Johor Bahru iaitu berasaskan statistik dari Rancangan Struktur Negeri Johor 2001- 2020, pelancong yang datang khususnya dari Singapura, tujuan lawatan mereka adalah lebih cenderung kepada aktiviti membeli-belah. Lokasi tumpuan mereka adalah seperti berikut (Rujuk jadual 1.3, rajah 1.1 dan rajah1.2)

**Jadual 1.3: Lokasi Kajian Lapangan**

<b>LOKASI KAJIAN LAPANGAN</b>
1. Taman Rekreasi Teluk Danga & Pantai Lido Johor Bahru.
2. Zon Bebas Cukai Stulang Laut (The Zone) Johor Bahru.
3. Muzium Istana Besar Johor & Masjid Sultan Abu Bakar.
4. Terminal Bas Larkin dan Terminal Kereta Api
5. Beberapa kompleks membeli belah antaranya City Square, Holiday Plaza, Plaza Kotaraya, Plaza Pelangi, Komplek Tun Abdul Razak (KOMTAR), Komplek Sentosa, Giant Plentong Shopping Centre dan lain-lain lagi

*(Sumber: Rancangan Struktur Negeri Johor 2001- 2020)*

Rajah 1.1: Peta Negeri Johor dan Kawasan Kajian



(Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru 2006)

Rajah 1.2: Peta Bandaraya Johor dan Kawasan Kajian



(Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru 2006)

Kajian merangkumi persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan di sekitar bandaraya Johor Bahru. Kajian akan ditumpukan kepada pelancong luar negeri yang datang untuk tujuan melancong, membeli belah, VFR, perniagaan atau sebagainya. Sama ada mereka datang dengan menggunakan khidmat agensi pelancongan atau persendirian secara berkumpulan, individu, pakej atau sebagainya.

### **1.7 Rekabentuk Kajian**

Salah satu tujuan menyediakan rekabentuk pengkajian adalah untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan pengkajian. Rekabentuk kajian menggunakan kaedah persampelan berkelompok kerana kajian ini berbentuk deskriptif. Kaedah ini bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat tentang pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena dalam satu masa tertentu sahaja dan selalunya menggunakan soal selidik (Mohd.Majid 1994). Kaedah ini dipilih kerana proses mendapatkan matlamat adalah tepat dan mudah serta relevan dengan objektif.

Kaedah ini menggunakan instrumen soal selidik yang mana ianya mudah untuk untuk mendapatkan kerjasama daripada responden (Marson et.al 1998). Dengan menggunakan instrumen ini para pelancong akan ditanya berkaitan dengan jangkaan dan persepsi mereka terhadap aspek keselamatan di sekitar bandaraya Johor Bahru. Pembolehubah dikenalpasti dan dikategorikan kepada pembolehubah bersandar iaitu persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan di sekitar bandaraya Johor Bahru. Pembolehubah tidak bersandar pula iaitu faktor-faktor yang mewakili komponen-komponen aspek keselamatan.

## 1.8 Populasi

Populasi di dalam kajian ini ialah pelancong yang datang di sekitar daerah Johor Bahru . Apa yang dilakukan oleh pengkaji di dalam menetapkan bilangan sampel adalah berdasarkan jumlah yang menusabah berdasarkan kaedah sampel pengelompokan mengikut lokasi tarikan di sekitar bandaraya Johor Bahru

## 1.9 Sampel

Sampel merupakan sejumlah bilangan individu yang diambil daripada populasi untuk mewakili populasi tersebut (Mohd. Majid, 2000). Jumlah sampel yang dipilih adalah seramai 160 responden, namun borang soal selidik yang dapat diguna pakai hanyalah 133. Jumlah ini ditetapkan berdasarkan justifikasi bahawa jumlah tersebut dirasakan sudah memadai untuk mewakili populasi yang pelancong asing yang datang sekitar daerah Johor Bahru. Kajian ini juga bukan untuk keseluruhan negeri Johor sebaliknya untuk daerah itu sahaja. Pemilihan sampel responden kajian untuk mewakili populasi yang dikaji adalah dilakukan secara rawak mudah (*convenient sampling approach*). Ini bermakna semua ahli di dalam populasi mempunyai keberangkalian untuk dipilih sebagai sampel. Persampelan rawak jenis berkelompok digunakan di dalam kajian ini.

## 1.10 Pengumpulan Data

- 1) **Data Primer:** Persoalan kajian akan dijawab dengan menggunakan kaedah pengumpulan data utama (*primary data collection*) yang mana ia merupakan satu kaedah yang asli digunakan oleh para pengkaji dengan menggunakan soal selidik. Kelebihan menggunakan data primer ialah pengkaji dapat mengumpul maklumat yang terkini dan boleh dipercayai berdasarkan kepada persoalan yang dikehendaki. Spesifikasi dan rekabentuk sistem merupakan data primer yang diperolehi dengan menggunakan temubual dan perbincangan dan soal selidik.

- 2) **Data Sekunder:** Data sekunder diperolehi daripada bacaan terhadap kajian yang dilakukan. Maklumat-, maklumat daripada pihak agensi kerajaan, swasta dan sebagainya di dalam melakukan kajian ini sebagai maklumat rujukan.

### 1.11 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada soal selidik yang direka bentuk untuk menepati tujuan kajian dan menjawab persoalan kajian. Borang soal selidik sesuai digunakan bagi kajian yang melibatkan responden yang ramai dan dapat membantu responden mendapatkan gambaran tentang maklumat yang diperlukan

Responden akan menjawab soal selidik ini secara bersendirian berdasarkan struktur yang telah ditetapkan (*Self-administered questionnaires*). Soal selidik yang diagihkan akan dikutip semula sebaik sahaja responden selesai menjawab. Penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh pengkaji (Mohamad Najib 1999).

#### **Bahagian A**

Merupakan maklumat berkaitan dengan profil responden kajian yang terdiri daripada maklumat demografi responden seperti jantina, bangsa, umur, negara asal, pekerjaan, mod bercuti, tujuan lawatan, kekerapan ke bandaraya Johor Bahru dan tempoh lawatan

#### **Bahagian B**

Merupakan maklumat yang berkaitan dengan persepsi responden terhadap aspek keselamatan di sekitar bandaraya Johor Bahru. Bahagian ini dirangka menggunakan skala likert. Bagi bahagian satu aras pengukurannya adalah seperti berikut:



<b>ARAS PENGUKURAN</b>	Tidak penting	Kurang penting	Neutral	Penting	Sangat Penting
<b>SKALA</b>	1	2	3	4	5

Bagi bahagian dua pula aras pengukuranya adalah seperti berikut:

<b>ARAS PENGUKURAN</b>	Tidak perihatin	Kurang perihatin	Neutral	Perihatin	Amat perihatin
<b>SKALA</b>	1	2	3	4	5

Bagi bahagian tiga dan seterusnya, aras pengukuranya adalah seperti berikut pula:

<b>ARAS PENGUKURAN</b>	Amat tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Amat setuju
<b>SKALA</b>	1	2	3	4	5

Bagi tujuan melihat jauhmana persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan, skala yang digunakan ialah 1 hingga 2 adalah merupakan jawapan yang negatif (tidak memuaskan), 4 hingga 5 adalah merupakan pilihan positif (memuaskan), manakala 3 adalah sederhana.

### **Bahagian C**

Cadangan responden untuk meningkatkan lagi aspek keselamatan di sekitar bandaraya Johor Bahru disamping pengalaman berkaitan dengan insiden jenayah disekitar bandaraya Johor Bahru. Dalam bahagian ini, responden diminta untuk menulis cadangan tersebut diatas ruang yang telah di sediakan

### 1.12 Kaedah Analisis Data

Data-data dari 133 orang responden akan dikumpulkan dan dianalisa berdasarkan soalan-soalan kajian. Bahagian A, berkaitan dengan profil responden, proses analisis adalah menggunakan analisa deskriptif. Bahagian B berkaitan dengan persepsi responden terhadap aspek keselamatan juga menggunakan analisis deskriptif hasil min dan *cross-tabulation*. Hasil analisa ditunjukkan dalam bentuk jadual dan graf yang dapat membantu membuat keputusan dalam analisis selanjutnya.

### 1.13 Kajian Rintis (Pilot Test)

Kajian rintis ini dilakukan terlebih dahulu sebelum pengumpulan data di dilakukan. Ini adalah untuk melihat keesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik yang telah dibentuk. Seramai 5 orang responden telah dipilih secara rawak Sebarang kelemahan yang ada dapat diperbaiki 2 minggu sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Analisis kebolehpercayaan soal selidik menggunakan *Alpha Crombach* iaitu koefisien atau pekali kebolehpercayaan. Mengikut skala *Alpha Crombach*, tahap kebolehpercayaan adalah lemah sekiranya hasil analisis memperolehi skala kurang daripada 0.6, manakala kobelehpercayaan tinggi jika nilainya menghampiri 1 (Uma Sekaran 1992) .

### 1.14 Andaian Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah bersandar kepada andaian-andaian berikut:

- 1) Setiap responden menjawab soal selidik dengan jujur dan ikhlas tanpa dipengaruhi mana-mana pihak.
- 2) Semua data yang telah dianalisis adalah sahih dan boleh dipercayai.
- 3) Jumlah bilangan sampel responden akan dapat mewakili populasi.

### 1.15 Pendekatan Kajian

Bagi memandu pengkaji dalam menjalankan kajian ini satu rangka kerja kasar penyelidikan telah dihasilkan dalam rajah 1.1 Rangka Kerja merupakan rumusan terhadap langkah dan strategi yang diambil bagi memberi gambaran yang jelas terhadap struktur penyelidikan yang diatur oleh pengkaji. Ia akan menjadi panduan agar pengkaji menjalankan penyelidikan seperti yang dirancangkan.

Secara amnya methodologi yang akan dilaksanakan akan dibahagikan kepada 5 peringkat, iaitu :

- |      |                   |   |
|------|-------------------|---|
| i.   | Peringkat Pertama | : Peringkat Pengenalan                  |
| ii.  | Peringkat Kedua   | : Peringkat Teoritikal & Literatur      |
| iii. | Peringkat Ketiga  | : Peringkat Analisia Data               |
| iv.  | Peringkat Keempat | : Perbincangan, Kesimpulan dan Cadangan |

**Jadual 1.4: Rangka Kerja Perlaksanaan Kajian**


<b>Peringkat I- Pengenalan</b>	<p>Di peringkat ini, penemuan ke arah merumuskan isu dan masalah semasa. Penyelidik turut terlibat di dalam melakukan penyemakan kajian-kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain berkaitan dengan aspek keselamatan para pelancong. Di peringkat ini juga rujukan dilakukan oleh pengkaji khususnya dari agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan bagi mengukuh maklumat khususnya berkaitan dengan pernyataan masalah kajian yang telah dibentuk. Bagi memastikan penyelidikan ini lebih terarah maka penyelidik telah membentuk satu matlamat dengan sokongan objektif-objektif yang telah digariskan yang berkait rapat dengan persoalan kajian yang telah dibentuk. Sebelum itu penyelidik akan menentukan pembolehubah dan indikator penyelidikan bagi memudahkan lagi penyelidikan ini dan akan membantu kerja-kerja di peringkat seterusnya</p>
------------------------------------	--

<p><b>Peringkat II- Pengumpulan Maklumat</b></p>	<p>Pengumpulan data dibahagikan kepada dua iaitu data sekunder dan data primer. Data primer diperolehi dengan menjalankan kajian soalselidik terhadap pelancong yang datang di sekitar bandaraya Johor Bahru. Ia adalah merupakan peringkat yang penting di dalam kajian ini. Borang soalselidik akan diedarkan kepada pelanggan di beberapa destinasi tarikan pelancong di sekitar bandaraya Johor Bahru yang telah dipilih. Instrumen di dalam kajian ini adalah melalui soalselidik. Kaedah persampelan secara rambang dibuat. Data sekunder diperolehi daripada artikel-artikel, jurnal, buku-buku dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi yang terlibat seperti Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor (MTPNJ), Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ), Polis DiRaja Malaysia, dan Kementerian Pelancongan . Dapatan-dapatan daripada kajian yang lepas juga akan digunakan untuk membuat perbandingan dengan kajian yang dijalankan</p>
<p><b>Peringkat III- Analisis</b></p>	<p>Peringkat ini adalah merupakan peringkat yang penting dan kemuncak kepada penulisan penyelidikan, di mana penilaian terhadap persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan disekitar bandaraya Johor Bahru. Analisis akan dibuat berdasarkan maklum balas yang diterima daripada soal selidik yang telah dibuat di dalam kajian tersebut. Analisis dijalankan dari segi kuantitatif menggunakan perisian SPSS untuk mencari hasil min dan cross-tabulation. Pada peringkat ini dapatan-dapatan akan diperolehi hasil daripada proses penilaian tersebut.</p>
<p><b>Peringkat IV- Rumusan Dan Cadangan</b></p>	<p>Peringkat ini adalah merupakan peringkat yang terakhir di dalam penyelidikan ini. Pada peringkat ini persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan di sekitar bandaraya Johor Bahru akan disimpulkan dan cadangan peningkatan juga akan diusulkan. Oleh yang demikian, adalah diharapkan hasil daripada kajian ini akan membantu pihak-pihak tertentu untuk merancang program-program peningkatan aspek keselamatan bagi pelancongan khususnya di negeri Johor.</p>

*(Sumber:Olahan Pengkaji 2007)*

### **1.16 Kepentingan Kajian**

Kajian ini akan memberikan maklumat terhadap persepsi pelancong terhadap aspek keselamatan di sekitar bandaraya Johor Bahru. Maklumat ini boleh diguna pakai oleh pihak yang berkenaan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan pelancong seterusnya dapat mempromosikan lagi bandaraya Johor Bahru di mata para pelancong seluruh dunia



Rajah 1.3: Carta Alir Penyelidikan